

06 MAY 1996

REAKSI: MIA KATA RANCANGAN BAIK UNTUK PASARAN MODAL

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Persatuan Pelabur Malaysia (MIA) menyambut baik Rancangan Malaysia Ke-7 sebagai sesuatu yang baik untuk pasaran modal kerana pertumbuhan syarikat-syarikat awam akan pesat berkembang hasil daripada program penswastaaan dan persyarikatan.

Presiden persatuan tersebut, Dr PHS Lim memberitahu Bernama di sini hari ini rancangan pembangunan lima tahun itu menggesa supaya pasaran modal berkembang secara teratur dengan lebih banyak lagi projek prasarana disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur di bawah garis panduan yang diperkenalkan baru-baru ini.

Mengulas mengenai rancangan itu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, beliau berkata ia turut menggesa rangkaian pengawasan yang lebih baik diwujudkan, sambil menambah bahawa Malaysia akan menjadi lebih makmur dan kaya di bawah rancangan itu dengan pendapatan per kapita diunjurkan pada RM14,788.

Pada amnya, menurut beliau, rancangan itu yang meliputi tempoh 1996-2000, adalah strategi yang baik bagi Malaysia untuk mencapai pertumbuhan yang seimbang dengan tujuan mengurangkan defisit akaun semasa di samping menstabilkan harga bagi membanteras inflasi.

Beliau memuji kerajaan kerana ia kini mengambil langkah-langkah yang betul secara serius untuk menangani defisit akaun semasa yang berjumlah RM17.8 bilion dalam tahun 1995. Rancangan itu mengunjurkan bahawa defisit itu akan pulih menjelang tahun 2000.

Bagaimanapun, Dr Lim mengingatkan bahawa defisit itu tidak boleh berubah dalam sekelip mata dan Malaysia mungkin terpaksa menghadapi defisit ini untuk beberapa tahun lagi sehingga menjelang akhir rancangan itu.

Mengenai pertumbuhan yang diunjurkan pada kadar 2.4 peratus bagi sektor pertanian di bawah rancangan itu, beliau berkata Malaysia seharusnya mengikuti sasaran pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.0 peratus, kerana ia akan membendung import makanan yang besar negara ini dan melegakan tekanan inflasi.

Katanya Malaysia mengimport jumlah besar ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan bahan-bahan makanan yang lain.

Malahan negara-negara perindustrian seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Perancis masih lagi memberi penekanan terhadap sektor pertanian, katanya sambil menambah bahawa kegiatan pertanian mempunyai peranan yang strategik dalam masyarakat moden.

Dr Lim juga berkata Malaysia terpaksa menjadi lebih produktif dan kompetitif kerana dagangan dan industri kini semakin dipersejagatkan dengan Pertumbuhan Dagangan Dunia menuju ke arah tarif serta duti yang rendah dalam usaha melonggarkan lagi syarat perdagangan dunia.

Mengenai penekanan latihan teknikal dan pendidikan menerusi banyak lagi sekolah dan universiti untuk memenuhi cabaran antarabangsa abad akan datang, beliau berkata "Malaysia benar-benar memerlukan banyak lagi teknokrat." -- BERNAMA

MR MA SIA